**PETALING JAYA** – Dipacu oleh ekonomi global yang semakin berkembang, perdagangan Malaysia terus mencatat pertumbuhan dua angka sebanyak 18.6 peratus kepada RM252.7 bilion pada Ogos 2024, daripada RM213 bilion tahun sebelumnya.

Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) dalam satu kenyataan berkata, ia merupakan peningkatan terpantas dalam tempoh 22 bulan.

Jelasnya, eksport mengekalkan momentum pertumbuhan bagi lima bulan berturut-turut untuk naik 12.1 peratus kepada RM129.16 bilion, manakala import mengembang 26.2 peratus kepada RM123.49 bilion bagi menghasilkan lebihan dagangan RM5.7 bilion, iaitu lebihan dagangan untuk ke-52 bulan berturut-turut sejak Mei 2020.

"Bagi tempoh lapan bulan pertama tahun 2024, perdagangan mencatatkan jumlah tertinggi bagi tempoh Januari hingga Ogos setakat ini, meningkat 10.9 peratus kepada RM1.905 trilion berbanding tempoh yang sama tahun 2023.

"Eksport naik enam peratus kepada RM991.36 bilion, manakala import mengembang sebanyak 16.8 peratus kepada RM913.18 bilion, menghasilkan lebihan dagangan bernilai RM78.17 bilion," katanya.




**PERTUMBUHAN eksport bulan lalu dipacu peningkatan permintaan bagi barangan E&E, minyak sawit, jentera, kelengkapan dan peralatan serta barangan optik dan saintifik.** – GAMBAR HIASAN

Dari segi pasaran, eksport ke rakan dagang utama iaitu ASEAN, China, Amerika Syarikat (AS), Kesatuan Eropah dan Taiwan terus merekodkan pertumbuhan. Eksport ke AS melonjak kepada nilai tertinggi baharu, disumbangkan terutamanya oleh peningkatan permintaan bagi barangan elektrik dan elektronik (E&E).

MITI menambah, Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) mengekalkan unjuran pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) global sebanyak 3.2 peratus tahun ini, sambil menekankan risiko inflasi yang mungkin berlaku dan ketegangan perdagangan yang berterusan.

"Bagi Malaysia, IMF menganggarkan pertumbuhan KDNK sebanyak 4.4 peratus pada 2024, menggambarkan prospek ekonomi stabil, konsisten dengan pertumbuhan KDNK negara sebanyak 5.1 peratus pada separuh tahun pertama.

"Di sebalik perkembangan positif ini, MITI dan agensinya akan terus memberikan perhatian untuk menangani sebarang cabaran atau gangguan global yang berkemungkinan akan berlaku agar Malaysia dapat mengekalkan momentum ekonominya," katanya.

KOSMO
Tarikh: 20 SEP 2024

# Terap konsep 'Kansei' hadapi risiko bencana alam





Pensyarah Kanan di Fakulti Alam Bina, Universiti Malaya

**Oleh Dr Nik Elyna Myeda Nik Mat dan Dr Yong Adilah Shamsul Harumain**
bhrencana@bh.com.my

**Jepun** terkenal antara bandar raya termaju dengan sistem teknologi dan kejuruteraan canggih serta ke hadapan. Kemajuan itu dapat dilihat dalam persediaan negara itu menghadapi pelbagai bencana alam yang sering dihadapi.

Pelbagai risiko bencana alam dihadapi Jepun menyebabkan kerajaannya sentiasa dalam keadaan bersedia dan berhati-hati supaya jumlah kemalangan jiwa dan kerugian dapat dikurangkan.

Ini juga bertujuan bagi proses menyelamat menjadi lebih teratur, selesa dan selamat untuk masyarakat terutama golongan tua serta kanak-kanak. Kemajuan sistem persediaan menghadapi pelbagai bencana di Jepun tidak dapat disangkal dan antara terbaik di dunia.

Persediaan menghadapi bencana meliputi segala aspek kehidupan penduduk termasuk bandar kecil seperti bandar Echizen di wilayah Fukui.

Walaupun hanya mempunyai populasi 20,000 orang, persediaan kerajaan tempatan bandar Echizen menghadapi bencana seperti gempa bumi dan tsunami tidak bertumpu kepada tahun tertentu sahaja.

Persediaan mereka merangkumi aspek latihan staf kerajaan tempatan dan penduduk berjadual, pemeriksaan bekalan makanan dan kelengkapan kecemasan untuk digunakan ketika bencana serta pemeriksaan pusat pemindahan.

Mesyuarat penyelarasan bersama kementerian tanah, infrastruktur, pengangkutan dan pelancongan, Agensi Meteorologi Jepun, Kerajaan Wilayah dan pelbagai agensi kerajaan lain turut diadakan bagi memastikan persediaan menghadapi bencana di tahap tertinggi.

## Percepat akses makanan, proses menyelamat

Berdasarkan pemerhatian, sistem di Jepun mengambil aspirasi 'Kansei' yang mengambil kira elemen psikologi kemanusiaan dalam pemikiran. Sebagai contoh, di bandar Echizen, sistem akses bahan keperluan ketika bencana ditambah baik berdasarkan kemudahan akses.

Kunci stor bahan keperluan ketika bencana tidak dipegang seorang pegawai kerajaan tempatan, tetapi boleh diakses secara terus di stor berkenaan dengan menggunakan sistem kunci bernombor kod. Ini mempercepatkan akses terhadap bahan makanan ketika bencana serta mengelakkan masalah kehilangan kunci atau terpaksa menunggu pegawai bertanggungjawab tiba membuka stor.

Ternyata, sistem persediaan menghadapi bencana di Echizen, Jepun mengambil kira sekecil-kecil tindakan sehingga penelitian terhadap proses menyelamat dipastikan terdapat kepelbagaian kaedah untuk berhubung antara satu sama lain.

Elemen kemanusiaan diterapkan dalam pemikiran dan kaedah sistem ini ditambah baik dari masa ke semasa serta sentiasa mengambil kira kemudahan psikologi dan perasaan manusia.

Dalam hal ini, Malaysia wajar mencontohi sistem di Echizen untuk menambah baik sistem menghadapi bencana. Sikap waspada sebelum bencana berlaku harus dicontohi, manakala sistem persediaan menghadapi bencana boleh ditambah baik supaya kemalangan jiwa dan kesan bencana kepada mangsa boleh dikurangkan.

Persediaan menghadapi bencana seperti banjir dan tanah runtuh sering berlaku di negara ini adalah antara contoh bencana boleh menggunakan suatu sistem persediaan menghadapi bencana yang lebih baik.

Pusat Pemindahan Sementara (PPS) bukan sahaja mempunyai kapasiti ruang untuk berkumpul, malah satu pusat mempunyai kemudahan mencukupi, selamat dan selesa.

Penyediaan satu pusat pemindahan selamat dan selesa boleh mengambil kira aspek 'Kansei' berdasarkan keperluan penduduk setempat dari segi fungsi dan jenis penggunaan.

Sebagai contoh, lokasi PPS mengambil kira jenis demografi di kawasan berkenaan, jumlah tandas merangkumi keperluan warga emas dan orang kurang upaya (OKU), serta penggunaan bangunan sedia ada yang lebih sesuai untuk setiap kawasan menghadapi bencana.

Persediaan menghadapi bencana bukan sahaja memerlukan belanjawan, malah memerlukan anjakan baharu dari semasa ke semasa, terutama dalam keadaan perubahan cuaca iklim mendadak dan populasi bandar meningkat.

BERITA HARIAN
Tarikh 20 SEP 2024

# Mentaliti silo, birokrasi berlebihan rencat reformasi perkhidmatan awam

- Pegawai bertindak sebagai 'Little Napoleon' sering membuat keputusan tidak adil, berpihak kepada individu tertentu atau meminggirkan golongan tertentu tanpa alasan sah

- Kerajaan tidak boleh mengelak menghadapi cabaran dalam aspek tadbir urus, modal insan, pendigitalan dan pengurusan kewangan dalam komitmen melakukan reformasi perkhidmatan awam

*Oleh Datuk Dr Ismail Sualman*
bhrencana@bh.com.my



Prof Khas Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media, Universiti Teknologi MARA (UiTM)

**Istilah** 'Little Napoleon' jika dilihat dalam perkhidmatan awam merujuk kepada penjawat awam menyalahgunakan kuasa dengan cara zalim, autokratik atau mementingkan diri sendiri.

Mereka cenderung menganggap diri sebagai individu mempunyai kuasa mutlak di jabatan atau agensi masing-masing, walaupun sebenarnya hanya menjalankan tugas berdasarkan mandat kerajaan.

Penjawat awam sebegini menggunakan kuasa mereka miliki untuk mengawal keputusan atau memanipulasi proses pentadbiran, sama ada untuk keuntungan peribadi atau melindungi kepentingan mereka.

Pegawai bertindak sebagai 'Little Napoleon' sering membuat keputusan tidak adil, berpihak kepada individu tertentu atau meminggirkan golongan tertentu tanpa alasan sah.

Pegawai, terutama berpangkat tinggi, tetapi berperangai 'Little Napoleon' boleh menyebabkan tekanan dan ketidakpuasan hati dalam kalangan pekerja bawahan, menjejaskan moral dan produktiviti.

Menurut Ketua Setiausaha Negara (KSN), Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar, selain perangai 'Little Napoleon', cabaran sering dihadapi perkhidmatan awam adalah mentaliti silo dan birokrasi, menimbulkan perasaan superior atau rasa kuasa berlebihan dalam kalangan penjawat awam.

Mentaliti silo merujuk kepada kecenderungan jabatan atau agensi dalam perkhidmatan awam untuk bekerja secara terasing, tanpa interaksi atau kerjasama baik antara satu sama lain.

Penjawat awam bekerja dalam silo pula cenderung menumpukan perhatian hanya pada tugas dan tanggungjawab jabatan mereka, tanpa memikirkan implikasi terhadap keseluruhan sistem pentadbiran kerajaan.

Keadaan ini boleh menyebabkan tindakan diambil satu jabatan mungkin bertentangan dengan matlamat jabatan lain, menyebabkan kelewatan keputusan atau gangguan dalam pelaksanaan dasar.

Maklumat penting mungkin tidak dikongsi secara berkesan antara jabatan, menghalang pembuatan keputusan bersepadu. Malah setiap jabatan cenderung melindungi kepentingan mereka sendiri, menjadikan mereka kurang terbuka kepada kritikan atau pembaharuan.

Birokrasi berlebihan dalam perkhidmatan awam pula sering dikaitkan dengan proses kompleks dan lambat. Kadangkala mereka berasa peraturan dan prosedur ketat memberikan mereka kuasa dan kelebihan untuk mengekalkan status quo.

Akibat daripada birokrasi ini, proses birokratik panjang dan pelbagai tahap kelulusan menyebabkan perkhidmatan awam menjadi lambat, tidak berkesan dan menyusahkan pelanggan.

Birokrasi ketat pula menyekat idea baharu dan perubahan yang boleh membawa penambahbaikan dalam perkhidmatan, kerana kebanyakan pegawai lebih suka mematuhi prosedur lama disifatkan lebih selamat.

Proses terlalu birokratik cenderung membabitkan banyak lapisan pentadbiran, menyukarkan mengenal pasti siapa bertanggungjawab atas sebarang kelewatan atau kesalahan.

Dalam sesetengah kes, penjawat awam mungkin berasakan diri mereka berkuasa atau lebih hebat daripada pelanggan atau rakyat biasa berurusan dengan mereka.

Perasaan ini timbul daripada kedudukan mereka sebagai penjawat awam mempunyai akses kepada maklumat, sumber atau kuasa tertentu.

Mentaliti silo, birokrasi berlebihan dan perasaan superior dalam kalangan penjawat awam memerlukan pembaharuan menyeluruh dalam budaya kerja serta pendekatan pentadbiran, termasuk usaha meningkatkan akauntabiliti, ketelusan dan kerjasama antara agensi.

Cabaran perkhidmatan awam juga dikaitkan dengan penyampaian perkhidmatan masih menggunakan kaedah lama, kurang efektif dan tidak berdaya saing menjadi isu merumitkan keberkesanan pentadbiran.

Selain itu, banyak jabatan dalam sektor awam masih menggunakan kaedah manual dalam proses penyampaian perkhidmatan. Ini seperti penggunaan borang fizikal, dokumen bercetak dan proses kerja memerlukan kehadiran fizikal.

Namun, ketika negara dilanda COVID-19, semua tugas dan prosuder boleh disesuaikan menggunakan kaedah dalam talian tanpa perlu berurusan di kaunter pejabat secara fizikal.

## Kurang sistem pengurusan bersepadu

Dalam era pendigitalan kerajaan, sektor awam yang masih bergantung kepada kaedah lama sering ketinggalan kerana kurang penggunaan teknologi dan inovasi dalam penyampaian perkhidmatan. Hari ini, masih banyak agensi kerajaan tidak mempunyai sistem pengurusan bersepadu menyebabkan proses menjadi tidak lancar.

Banyak proses boleh dilakukan secara automasi seperti sistem pengesahan identiti atau pemprosesan data. Hari ini, sistem berkenaan masih dilakukan secara manual, menjadikan proses urusan lebih lambat dan tidak cekap.

Perkhidmatan dalam talian ditawarkan mungkin tidak menyeluruh atau kurang mesra pengguna, menyebabkan rakyat tiada pilihan berurusan secara tradisional, mengambil masa lebih lama.

Apabila perkhidmatan awam tidak dapat mengikuti perkembangan teknologi dan kaedah kerja baharu, ia menjadi kurang berdaya saing berbanding sektor swasta lebih tangkas.

Ini dapat dilihat dalam beberapa aspek. Pengalaman pelanggan kerana perkhidmatan tidak responsif menyebabkan sektor awam dilihat tidak efisien. Apabila perkhidmatan awam tidak berdaya saing, sektor swasta mungkin enggan bekerjasama, rakyat pula hilang keyakinan terhadap keupayaan kerajaan menyediakan perkhidmatan pantas dan berkualiti.

Dalam sesetengah keadaan, birokrasi berlebihan dan ketidakcekapan dalam pengurusan pentadbiran menjadi halangan untuk memperkenalkan kaedah atau teknologi baharu dalam perkhidmatan awam.

Proses pengambilan keputusan berlapis-lapis dan sikap enggan mengambil risiko terhadap inovasi memperlahankan reformasi dicita-citakan kerajaan.

Bagi meningkatkan keberkesanan dan daya saing penyampaian perkhidmatan awam negara, terdapat keperluan mendesak untuk mengatasi penggunaan kaedah lama melalui digitalisasi, automasi, peningkatan kemahiran sumber manusia serta pengurangan birokrasi.

Pengenalan teknologi baharu lebih mesra pengguna dan pemikiran pegawai yang lebih strategik, fokus kepada kecekapan dan inovasi mampu meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan, serta meletakkan sektor awam pada kedudukan lebih baik dalam memenuhi keperluan rakyat.

Bermakna, penguatkuasaan tadbir urus lebih ketat, sistem pemantauan berkesan dan serta penerapan budaya integriti dalam kalangan penjawat awam amat penting supaya perkhidmatan awam dapat berfungsi dengan berkesan dan adil.

Kerajaan tidak boleh mengelak menghadapi cabaran dalam aspek tadbir urus, modal insan, pendigitalan dan pengurusan kewangan dalam komitmen melakukan reformasi perkhidmatan awam.

Namun, kerajaan tidak boleh berhenti membina semula kepercayaan rakyat serta memperkukuh integriti, memperkemas standard kepimpinan dan pembuatan keputusan, memupuk nilai kemampanan, kesejahteraan, inovasi, hormat, keyakinan dan ihsan bagi merealisasikan apa dihajati.



BERITA HARIAN
Tarikh....... 2 0 SEP 2024

# Faedah persaraan tinggi jika pilih SSPA, pencen tetap ada

**Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) yang akan dilaksanakan mulai 1 Disember ini menyaksikan kira-kira 1.6 juta penjawat awam mendapat pelarasan gaji baharu selepas kali terakhir disemak pada 2013. Dengan pelaksanaan skim terbabit, kumpulan pelaksana akan menikmati pelarasan gaji sebanyak 15 peratus, manakala pengurusan tertinggi sebanyak tujuh peratus, masing-masing secara berperingkat. Berikut adalah soalan lazim (FAQ) yang dikongsikan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) berkaitan pencen kekal di bawah SSPA**

**Soalan (S): Adakah umur persaraan wajib berubah sekiranya saya memilih SSPA ini?**

Jawapan (J): Umur persaraan wajib tetap sama walaupun kalian pilih SSPA ini. Sekiranya kali terakhir yang dipilih adalah 58 tahun, maka kekal 58 tahun. Sekiranya 60, maka kekal 60 tahun. Tidak berubah.

**S: Adakah formula pengiraan faedah persaraan seperti Ganjaran Perkhidmatan, Pencen Bulanan dan Award Wang Tunai (GCR) akan berubah jika saya pilih SSPA?**

J: Tidak. Formula pengiraan tetap sama seperti sebelum ini. Tiada pindaan kepada Akta Pencen 1980. Dalam Pekeliling SSPA pun tidak disebut sebarang perubahan mahupun pindaan kepada formula pengiraan faedah persaraan. Maksudnya tiada apa-apa formula baharu yang mengurang atau menambah amaun faedah persaraan. Sama sahaja. Justeru, selagi tiada pindaan terhadap Akta Pencen 1980, maka sama pemakaiannya.

**S: Betul ke kalau pilih SSPA, pencen akan dapat umur 60 tahun. Kalau saya bersara pilihan umur 55 tahun, saya kena tunggu umur 60 tahun juga? Kalau cukup *servis* 30 tahun, boleh dapat lagi awal?**

J: Tidak. Kelayakan pegawai menerima pencen masih sama prinsipnya seperti terdahulu. Pegawai yang dilantik pada atau selepas 12 April 1991, jika bersara pilihan, paling awal terima pencen adalah pada usia 55 tahun walaupun pegawai pilih umur bersara wajib 55/58/60 tahun.

Dilantik selepas 1 Januari 2012, walaupun umur persaraan wajib adalah 60 tahun, juga boleh terima pencen bulanan seawal usia 55 tahun jika kalian memilih bersara pilihan sebelum umur 60 tahun.

**S: Sekarang saya skim pencen, sekiranya saya pilih SSPA, adakah automatik jadi skim KWSP (Kumpulan Wang Simpanan Pekerja)?**

J: Masih skim pencen. Dalam SSPA, tidak dinyatakan pun kalau pilih SSPA terus masuk skim KWSP.

**S: Saya sudah bersara. SSPA tak cakap mengenai pesara ke?**

J: SSPA ini untuk pegawai yang masih dalam perkhidmatan, dalam erti kata lain pegawai yang masih berkhidmat. Kalian yang sudah bersara, tidak perlu tandatangan opsyen pun. Bagi penyelarasan pencen pula, nanti JPA dan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP) akan kirakan dan buat penyelarasan pencen bagi pencen Disember 2024 (8 peratus) dan Januari 2026 (7 peratus). Punca kuasa yang digunakan adalah Seksyen 3 Akta Penyelarasan Pencen 1980 (Akta 238).

**S: Jadi kalau sama, tiada perubahan, apa kelebihan saya memilih SSPA dari sudut persaraan saya?**

J: Semestinya faedah persaraan akan dapat lebih tinggi sebab apabila memilih SSPA, kalian akan diberi pelarasan gaji. Gaji akan lebih tinggi. Ingat, pengiraan faedah persaraan seperti Ganjaran Perkhidmatan Pencen Bulanan dan Award Wang Tunai (GCR) akan dihitung berdasarkan gaji akhir. Justeru, gaji akhir yang diambil kira nanti adalah gaji akhir selepas diselaraskan sekiranya memilih SSPA.

> "Masih skim pencen. Dalam SSPA, tidak dinyatakan pun kalau pilih SSPA terus masuk skim KWSP"




**S: Jadi mana lebih baik pilih SSPA atau Skim Saraan Malaysia (SSM)?**

J: Pilihlah SSPA untuk faedah persaraan yang lebih baik dan lebih sejahtera. Percayalah apa yang diberikan oleh kerajaan adalah untuk kebaikan kalian demi kemaslahatan dan kesentosaan kalian.



*Umur persaraan kakitangan awam tetap sama jika mereka memilih SSPA.*

(Foto hiasan)


BERITA HARIAN
Tarikh 20 SEP 2024

# ‘Tiap-tiap tahun Tuanku nasihat jaga alam sekitar’

Oleh MOHAMAD ATHIR ISMAIL dan ISKANDAR SHAH MOHAMED
utusannews@mediamulia.com.my

UM 20/9




**SHAH ALAM:** “Tuanku (Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah) nasihat tiap-tiap tahun supaya jaga alam sekitar.”

Selain itu, pelbagai laporan dan aduan dibuat termasuk kepada pihak berkuasa tempatan (PBT) serta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berhubung operasi kilang-kilang haram di Teluk Gong, Klang.

Namun, tegas Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pelabuhan Klang, Azmizam Zaman Huri, isu alam sekitar terus berlaku.

Beliau mengakui sebahagian kilang yang dibina di situ adalah sah di atas tanah yang diwartakan sebagai kawasan industri, namun wujud premis-premis haram beroperasi secara tidak sah lebih 10 tahun lalu.

“Setiap kali pembukaan Sidang Dewan Undangan Negeri (DUN), hal berkaitan alam sekitar memang ada dan saya pun turut membahaskannya.

“Tetapi, sampai sekarang isu masih berlarutan. Penguatkuasaan dibuat, kilang tutup sekejap dua tiga bulan, kemudian kembali beroperasi. Seolah-olah macam ada pihak yang kepada melindungi mereka sehingga berani beroperasi secara haram dan mencetuskan pencemaran,” katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia*.

Selasa lalu, akhbar ini melaporkan persoalan ditimbulkan oleh pertubuhan bukan kerajaan (NGO) berkaitan alam sekitar apabila mendakwa kegagalan PBT dan agensi kerajaan lain ‘menghidu’ operasi puluhan kilang haram kitar semula plastik dan tayar di Teluk Gong berhampiran Pelabuhan Klang.

Bagaimanapun, Majlis Bandaraya Diraja Klang (MBDK) menjelaskan, dua daripada tiga premis kilang tayar di kawasan perindustrian Teluk Gong, didapati beroperasi secara haram.

> **“Penguatkuasaan dibuat, kilang tutup sekejap dua tiga bulan, kemudian kembali beroperasi.”**
>
> AZMIZAM ZAMAN HURI

Sebanyak 18 operasi pemeriksaan dijalankan sepanjang tahun ini di sekitar kawasan tersebut oleh Jabatan Perlesenan bersama Jabatan Penguatkuasa MBDK dan 27 kompaun dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil (UUK) Tred Perindustrian Perniagaan Dan Iklan Majlis Perbandaran Klang (MPK) 2007.

Selain itu, Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) , Tan Sri Azam Baki dilapor memberi jaminan pihaknya akan mengambil tindakan sekiranya wujud elemen rasuah atau salah guna kuasa terutama pihak berkuasa berhubung operasi kilang-kilang haram di sana.

Ini kerana, kesan daripada operasi kilang berkenaan dilapor memberi kesan kepada lebih 40,000 penduduk di sana apabila terpaksa menghidu bau busuk dari puluhan kilang pemprosesan sisa buangan disyaki beroperasi secara haram.

Dalam pada itu, Azmizam mengalu-alukan siasatan SPRM terhadap mana-mana pihak berhubung pengoperasian kilang-kilang terbabit selepas mendakwa aduan kepada pelbagai agensi pihak berkuasa sudah pun dibuat sebelum ini.

“Sudah banyak kali aduan dibuat. Saya buat, penduduk pun buat. Isunya pun sudah dibangkitkan dalam sidang DUN. Ini kerana kesannya teruk bukan sahaja penduduk di Kampung Teluk Gong tetapi bau busuk asap itu merebak sampai kawasan sekitar seperti Taman Teluk Gadong Indah, Taman Pendamar Indah, Kampung Pendamar.

“Yang pelik, pihak berkuasa sepatutnya tak perlu tunggu ada laporan seperti yang didedahkan *Utusan Malaysia* atau aduan daripada penduduk sekali pun. Sebab operasi kilang haram itu bukan tersembunyi tetapi terbuka, semua orang boleh nampak,” katanya.

Sementara itu, Exco Kesihatan Awam dan Alam Sekitar, Jamaliah Jamaluddin ketika ditemui memaklumkan, kerajaan negeri menunggu laporan daripada Jabatan Alam Sekitar (JAS) Selangor berhubung siasatan pencemaran akibat pelupusan sisa industri, plastik dan tayar terpakai berskala besar.

“Saya sedang menunggu maklum balas (laporan) daripada JAS Selangor. Kita akan mengeluarkan kenyataan media nanti,” ujarnya.

UTUSAN MALAYSIA
Tarikh: 20 SEP 2024

# Jalan kaki tingkat kesihatan jantung

um 20/9

REALITI membimbangkan ialah satu daripada tiga orang dewasa di Malaysia mempunyai kolesterol tinggi.

Namun, separuh daripada mereka tidak cakna status kolesterol. Kolesterol tinggi sering tidak dikesan sehingga terlambat untuk dirawat.

Justeru, Nestle Omega Plus menggalakkan orang ramai mengambil langkah proaktif dalam pengurusan tahap kolesterol melalui Nestle Omega Plus Walk A Million Miles (NOP WAMM).

Menurut Ketua Pegawai Eksekutifnya, aktiviti berjalan kaki adalah cara yang mudah serta berkesan untuk meningkatkan kesihatan jantung.

Inisiatif tahunan NOP WAMM merupakan peringatan bahawa penjagaan kesihatan jantung adalah semudah mengamalkan rutin berjalan cergas.

"Kami perlu meningkatkan kesedaran tentang amalan gaya hidup sihat, khususnya kesihatan jantung yang memberi impak sama ada secara langsung ataupun tidak langsung, kepada semua lapisan masyarakat.

"Kami menggalakkan semua orang mengambil langkah menjaga kesihatan jantung mereka dan mengajak rakan-rakan, keluarga, serta rakan sekerja untuk turut serta," katanya.

Sementara itu, Pegawai Eksekutif Perniagaan, Unit Perniagaan Nutrisi, Nestle (Malaysia) Berhad, Yeoh She Shiang berkata perubahan kecil dan konsisten dalam rutin harian boleh membawa perubahan yang ketara dalam kesihatan jantung.

"Berjalan cergas selama 20 minit, lima kali seminggu yang digandingkan dengan diet seimbang, memberi kesan positif kepada tahap kolesterol dan kesejahteraan keseluruhan.

"Kami teruja menyaksikan orang ramai mengambil langkah meningkatkan kesihatan jantung dengan menyertai acara ini. Ia sekali gus membuktikan setiap langkah kecil adalah penting untuk membawa perubahan yang bermakna," katanya.

NOP WAMM berlangsung selama sebulan sempena Bulan Jantung Sedunia September ini.




**BERJALAN kaki adalah cara yang mudah serta berkesan untuk meningkatkan kesihatan jantung.**

UTUSAN MALAYSIA
Tarikh: 20 SEP 2024

# Penekanan pembangunan AI dalam RMK13 - Hanifah

um 20/9

Oleh HENDRA WINARNO
hendra.winarno@mediamulia.com.my

**KUALA LUMPUR:** Kerajaan akan memberi penekanan terhadap pembangunan kecerdasan buatan (AI) dalam Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13) bagi mengukuhkan kapasiti negara dalam teknologi itu.

Timbalan Menteri Ekonomi, Datuk Hanifah Hajar Taib berkata, AI kini menjadi alat penting dalam menyelesaikan pelbagai cabaran dalam pelbagai industri.

"Jika sebelum ini, AI dianggap sebagai fiksyen sains, tetapi kini ia sudah digunakan secara meluas dan dianggap sebagai *next big thing* dalam dunia digital.

"Kajian oleh International Data Corporation (IDC) menunjukkan bahawa pasaran global AI kini bernilai AS$235 bilion (RM1 trilion) dan dijangka meningkat kepada lebih AS$631 bilion (RM2.69 trilion) menjelang 2028.

"Perbelanjaan terbesar dalam sektor AI kini tertumpu kepada perkhidmatan IT, perbankan, dan peruncitan," katanya ketika merasmikan Persidangan Statistik Malaysia Kali ke-11 MYSTATS 2024, di sini semalam.




**HANIFAH Hajar Taib (tengah) bersama Mohd. Uzir Mahidin (dua, kanan) merasmikan Persidangan Statistik Malaysia Ke-11 (MYSTATS) 2024 di Sasana Kijang, Bank Negara Malaysia, semalam.**

Beliau berkata, sejak RMK12, Malaysia memberi fokus kepada pelaburan dalam penyelidikan dan pembangunan teknologi AI dengan tujuan memperkukuh infrastruktur digital negara, seperti rangkaian 5G dan pusat data.

"Melalui pelaksanaan dasar yang tersusun kerajaan telah menarik pelaburan asing lebih besar dengan peningkatan sebanyak 57.2 peratus berdasarkan jumlah pelaburan asing yang diluluskan oleh Jawatankuasa Nasional Mengenai Pelaburan pada tahun 2023 termasuk pelaburan berkaitan AI.

"Sebagai langkah awal, pusat pengajian AI pertama negara, Fakulti AI di Universiti Teknologi Malaysia (UTM), telah ditubuhkan dengan peruntukan RM20 juta.

"Negara masih dalam proses mengadaptasi platform AI sedia ada seperti Chatbot, Pertanian Pintar dan sistem pengesahan identiti elektronik, eKYC yang meningkatkan produktiviti dan keselamatan dalam pelbagai sektor.

"Bagaimanapun, AI perlu difahami oleh semua lapisan masyarakat dan kerajaan melaksanakan pelbagai usaha memperluaskan kesedaran mengenai AI, termasuk melalui program pembelajaran kendiri dalam talian hasil kerjasama MyDigital Corporation dan Intel Corporation," katanya.

Sementara itu, Ketua Perangkawan, Datuk Seri Dr. Mohd. Uzir Mahidin berkata, AI bukan satu ancaman, tetapi peluang bagi pembangunan negara dan membolehkan untuk menghasilkan data lebih relevan.

"DOSM sedang merancang menubuhkan Pusat Analitik Data Raya (NBDAC) yang akan menjadi pusat data nasional untuk menghubungkan data antara sektor awam dan swasta.

"Selain itu, seramai 45 pegawai diiktiraf sebagai saintis data yang berkemahiran tinggi dalam bidang statistik, analisis data lanjutan, kecerdasan buatan dan pembelajaran mesin," katanya.


UTUSAN MALAYSIA
Tarikh: 20 SEP 2024

# BNM dijangka kekalkan OPR walaupun kadar faedah AS turun

um 20/9

Oleh HENDRA WINARNO
hendra.winarno@mediamulia.com.my




BANK Negara Malaysia (BNM) dijangka mengekalkan OPR pada 3.0 peratus walaupun Rizab Persekutuan AS memotong kadar faedah di negara itu buat kali pertama selepas empat tahun. - GAMBAR HIASAN

**PETALING JAYA:** Penurunan kadar faedah sebanyak 50 mata asas oleh Rizab Persekutuan (Fed) Amerika Syarikat (AS) semalam dijangka tidak akan membuatkan Bank Negara Malaysia (BNM) menurunkan dasar kadar semalaman (OPR), kata penganalisis.

Penganalisis Ekonomi UniKL Business School, Prof Madya Dr. Aimi Zulhazmi Abdul Rashid berkata, beliau tidak menjangkakan itu terjadi berikutan inflasi negara masih terkawal dan bekalan wang mencukupi.

"Saya tidak merasakan BNM akan menurunkan OPR tahun ini kerana inflasi masih terkawal di Malaysia dan bekalan wang mencukupi dalam pasaran. Selain itu, OPR semasa juga cukup menarik bagi pengurus dana, terutama dari ekonomi-ekonomi maju.

"Dengan kadar kompetitif ini, ia berpotensi untuk menarik pelaburan asing, yang secara tidak langsung akan menyokong pertumbuhan ekonomi negara.," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Jelas beliau, penurunan kadar faedah itu memberikan sedikit kestabilan kepada pasaran modal global, dengan reaksi awal berupa pengukuhan bursa saham di seluruh dunia.

"Ini kerana pelabur dan pengurus dana telah sekian lama menantikan pemotongan kadar faedah AS setelah ia dinaikkan sebanyak 11 kali sejak awal 2022, namun dijangka satu lagi pemotongan kadar faedah sebanyak 25 mata asas pada November dan menjelang akhir tahun.

"Bursa saham dan nilai ringgit juga dijangka terus mengukuh sehingga akhir tahun, dengan aliran dana asing yang keluar dari AS ke pasaran negara-negara membangun di Asia Tenggara, termasuk Malaysia.

"Bagaimanapun, faktor geopolitik kekal sebagai ancaman utama kepada pertumbuhan ekonomi global dan negara, termasuk kemunculan virus baharu seperti cacar monyet atau Mpox," katanya.

Semalam, Fed AS memotong 50 mata asas kadar faedah setelah empat tahun tidak menurunkan kadar itu bertujuan meredakan kembali pasaran pekerjaan dan menurunkan kadar inflasi.

Sementara itu, Ketua Ahli Ekonomi Bank Muamalat Malaysia Bhd., Mohd. Afzanizam Abdul Rashid berkata, penurunan kadar faedah AS dijangka akan terus menjadi pemangkin yang positif kepada sentimen pasaran saham global.

"Ia disebabkan dasar monetari proaktif yang dilihat mampu mengekang potensi kelembapan ekonomi. Justeru itu, sebagai sebuah ekonomi terbuka, Malaysia akan meraih manfaat daripada peningkatan aktiviti perdagangan antarabangsa.

"Terbaharu, angka eksport menunjukkan pertumbuhan sebanyak 12.1 peratus pada Ogos, menjadikannya pertumbuhan dua digit untuk dua bulan berturut-turut. Oleh itu, penurunan kadar faedah dijangka menjadi pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi global," katanya.

Menurut Afzanizam, kesan lain daripada penurunan kadar faedah ini adalah peningkatan keyakinan pasaran.

"Fed AS sebelum ini telah memberikan petunjuk yang jelas bahawa mereka sedang dalam proses menurunkan kadar faedah untuk menyokong pertumbuhan ekonomi.

"Langkah ini akan membantu meredakan kebimbangan terhadap inflasi dan memberi ruang kepada pelabur untuk lebih agresif dalam membuat keputusan pelaburan, yang seterusnya dapat merangsang pertumbuhan ekonomi, termasuk di Malaysia.

"Oleh itu, dari sudut komunikasi jelas bahawa ia dapat mengurangkan kemeruapan dan sentimen pasaran," katanya.

UTUSAN MALAYSIA
Tarikh: 20 SEP 2024

PLASTIC POLLUTION

# Aquatic environment will get from bad to worse

**BOUBACAR DIALLO**

**IN** the form of bottles, tyres, packaging and piping, millions of tonnes of plastic waste are dumped every year in the world's waterways, often ending up in the oceans.

And their amount could almost double by 2060, unless strong measures are taken against the pollution, the Organisation for Economic Cooperation and Development (OECD) warns.

Due to mass production of the material from the 1950s to 2019, 140 million tonnes have already accumulated in rivers, lakes and oceans, the OECD said in a report last year.

Some 22 per cent of this forms a "plastic soup" in the oceans and 78 per cent is found in freshwater ecosystems.

Plastic burned in open pits or tossed in uncontrolled or unauthorised dumpsites is the main source of pollution of the aquatic environment.

Most of this plastic waste ends up in freshwater, with a large part, including bottles and plastic used in the construction sector, sinking in waterways and lakes.

The rest, including food packaging and closed bottles, floats for "years, even decades", before ending up in the oceans, the OECD says.

Waste from shipping activity, including nets and fishing gear, is to a much lesser extent another source of plastic waste in the oceans, as well as so-called microplastics, pieces of plastic which measure less than five millimetres.

Macroplastic, which is bigger than 5mm, has an average life cycle of six months to 35 years and slowly decomposes to become microplastic, which is "more likely to be ingested by aquatic species", the OECD says.

The risk of plastic moving from land to the waterways, and then into the sea, differs from location to location.

Out of some 100,000 waterways, only 1,000 are responsible for four-fifths of the macroplastic waste in the oceans, according to a 2021 study by researchers for non-governmental organisation Ocean Cleanup published in the *Science Advances* journal.

The remaining fifth comes from 30,000 other rivers.

Out of the 50 main rivers carrying plastic to the oceans, including small urban waterways, 44 are in Asia, "due to population density and bad waste management", Laurent Lebreton, Ocean Cleanup's director of research, said.

The Philippines, which has thousands of islands, dumps the most plastic into the sea. Its Pasig River, which flows into Manila Bay, is "the most (plastic) polluted" in the world.

With the Philippines' Tullahan and Meycauayan Rivers, India's Ulhas River and Malaysia's Sungai Klang, it is one of the top five carrying plastic into the oceans.

Driven by rising population and economic growth, the global use of plastics should almost triple between 2019 and 2060, to 1,231 million tonnes per year, according to the OECD.

That is a gloomy outlook for the aquatic environment where 493 million tonnes of plastic could pile up by 2060, more than half of it from sub-Saharan Africa, China, India, and other developing Asian countries, it says.

In Europe and the United States, on the contrary, plastic industrial waste in the aquatic environment should decrease, due to improved waste management, the OECD forecasts.

The writer is from AFP



*A man paddling on a boat as plastic bags float in Buriganga River in Dhaka in 2020. Due to the mass production of plastic from the 1950s to 2019, 140 million tonnes have accumulated in rivers, lakes and oceans.* AFP PIC

NEW STRAITS TIMES
Tarikh: 20 SEP 2024

# Move to preserve valuable old trees

20/9 sun

**SHAH ALAM:** The government will consider long-term efforts for the care of trees, especially older ones, without cutting them down, said Deputy Prime Minister Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

He said there is coordination between the federal and state governments through local authorities to examine how to care for and preserve older trees with high value.

"However, from a practical standpoint, we need to see how long-term efforts can be made to ensure these trees are not cut down.

"It should involve specific methods to ensure that the trees remain and do not pose a danger to the surrounding community or people passing the area in question," he said after opening the History and National Unity Convention titled "Tracing History: Building National Unity" yesterday.

Ahmad Zahid, who is also rural and regional development minister, was commenting on an incident in George Town, Penang on Wednesday in which uprooted trees crushed a car, killing a man and his daughter, who were tourists from China.

On another matter, Ahmad Zahid said the role of the Social Welfare Department needs to be enhanced in all aspects of child care, including issues related to Global Ikhwan Service and Business Holdings, to ensure that character development is not neglected.

When asked if the government would review guidelines for establishing charitable homes, Ahmad Zahid said the Cabinet had discussed the matter and is considering different aspects of task allocation according to the scope of agencies and departments.

"We leave it to the police to address criminal aspects, and the Islamic Development Department and state religious departments to handle matters of faith or belief. Welfare is under the Social Welfare Department." – Bernama

THE SUN
Tarikh: 2 0 SEP 2024